

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bilangan usahawan wanita yang terlibat dalam bidang pertanian dan penternakan serta apakah langkah yang diambil bagi membantu mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan wanita yang terlibat dengan industri pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan bagi tahun 2019 adalah seramai 192,000 orang. Daripada jumlah tersebut 87,030 adalah usahawan wanita bimbingan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan industri asas tani (IAT) serta 2,727 usahawan wanita bimbingan MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi industri ternakan.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil oleh MAFI sejak bermula pandemik Covid-19 bagi membantu petani dan penternak serta usahawan IAT yang terkesan dengan situasi pandemik Covid-19 di Malaysia. Bagi tahun 2021, MAFI telah meluluskan sebanyak 10 projek pembangunan berjumlah RM29 juta melibatkan bantuan insentif seperti baja, racun, benih, peralatan kecil pertanian dan infrastruktur asas ladang melalui Jabatan Pertanian bagi membantu petani meneruskan aktiviti pengeluaran.

Selain itu, MAFI juga menyediakan bantuan kepada usahawan IAT melalui geran pepadanan *Change Upgrade Product* (CUP) pada kadar 70:30 di mana 70% adalah ditanggung oleh Kerajaan manakala 30% adalah di bawah tanggungan usahawan dengan nilai maksimum geran adalah sebanyak RM60,000.

MAFI menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga menyediakan beberapa insentif serta bantuan untuk membantu semua penternak tanpa mengira jantina yang terjejas akibat Covid-19, seperti:

- i. Pemberian insentif di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) seperti Skim Rezeki Ternak Ruminan dan Unggas serta Program Peningkatan Pengeluaran Tenusu Negara yang

SOALAN NO : 11

bertujuan untuk membantu penternak membeli ternakan dan input-input penternakan;

- ii. Bantuan kepada golongan penternak muda menerusi Program Agropreneur Muda dengan had bantuan RM20,000 bagi setiap peserta dalam bentuk barangan dan tidak perlu dibayar balik;
- iii. Perkhidmatan sokongan teknikal oleh kakitangan lapangan DVS kepada ladang-ladang penternak yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Aktiviti-aktiviti seperti rawatan ternakan, kesihatan gerompok, kawalan penyakit, khidmat nasihat teknikal pengembangan dan lain-lain perkhidmatan lapangan terus berjalan melalui petugas barisan hadapan DVS di Pusat Pengembangan Veterinar (VetEC) dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah;
- iv. Meneruskan perkhidmatan kesemua 39 buah Pusat Pengumpulan Industri Tenusu (PPIT) di seluruh negara sepanjang tempoh PKP bagi menerima penghantaran susu oleh penternak;
- v. Mengeluarkan sebanyak 43,029 surat kebenaran merentas daerah dan negeri dalam tempoh 1 Mac 2020 hingga 11 Oktober 2021 kepada penternak bagi memudahkan pergerakan dan membolehkan bidang usaha mereka terus beroperasi semasa tempoh PKP seterusnya hasilan ternakan dapat dipasarkan kepada pengguna; dan
- vi. Bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mendidik penternak bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasilan ternakan melalui platform pemasaran e-dagang yang bersesuaian seperti Agrobazaar online, yang seterusnya dapat meningkatkan kadar jualan dan pendapatan usahawan ternakan.

Sekian, terima kasih.